

**Azmin optimis PR akan rampas Putrajaya selepas PRU13**  
**Malaysian Insider**  
**November 26, 2012**  
**Oleh Mohd Farhan Darwis**

SHAH ALAM, 26 Nov — Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali hari ini optimis kerajaan Pakatan Rakyat (PR) akan menawan Putrajaya dan membentuk kerajaan baru selepas Pilihan Raya Umum ke-13, sekaligus membidas kenyataan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengatakan PR akan menimbulkan kekacauan jika tewas dalam pilihan raya tersebut.

"PR akan menang, saya optimis PR akan terajui kerajaan baru ... jadi tidak timbul isu PR akan menimbulkan keganasan," katanya selepas sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) di sini.

Ahli Parlimen Gombak itu menegaskan, kenyataan Dr Mahathir itu adalah sifat semulajadi Umno yang mewujudkan budaya "menakut-nakutkan" rakyat ekoran kedudukan parti dominan Melayu itu jelasnya yang semakin "tenat" dan "nazak".

"Ini yang kita selalu sebut, Umno membawa budaya menakut-nakutkan rakyat, (sedangkan) kita (PR) bawa budaya harapan kepada rakyat.

"Konsep kita adalah pengagihan yang adil dan semua ini meyakinkan rakyat, Umno pula dah tersepit, nazak, dan terus dengan budaya menakutkan-nakutkan rakyat," katanya kepada pemberita.

Adun Bukit Antarabangsa itu turut berkata PR telah menunjukkan sikap terbuka mereka, walaupun kalah beberapa negeri pada Pilihan Raya 2008, mereka masih boleh menerima keputusan tanpa sebarang pertumpahan darah.

"Kita sudah lihat kita kalah di beberapa negeri pada 2008, dan tiada pertumpahan darah.

"Sekarang kita tumpu kerja di empat negeri, Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan, dan kita yakinkan rakyat keupayaan PR mentadbir.

"Mitos Umno sahaja yang boleh memerintah negara sudah berakhir," tegasnya lagi.

Dr Mahathir awal hari ini mengulangi amaran sekali lagi kepada rakyat Malaysia akan timbul kekecohan di jalan raya sekiranya PR tewas pada pilihan raya akan datang serta menunding jari kepada musuh politik utamanya Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didakwa akan menggunakan demonstrasi untuk kepentingan diri sendiri.

Bekas perdana menteri yang pernah berkhidmat selama 22 tahun itu turut mendakwa pembangkang sudah mula merancang untuk mencipta kekecohan dengan menghasut kumpulan pro PR supaya bangkit menolak keputusan pilihan raya sekiranya Barisan Nasional (BN) kekal di Putrajaya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir yang masih berpengaruh di negara ini juga percaya BN akan dapat memperoleh semula majoriti dua pertiga di parlimen "ketika ini", tetapi pada masa sama memberi amaran tentang taktik Anwar jika ramalannya itu benar.

Malah, beliau turut menuduh Anwar semasa menjadi timbalannya di dalam kerajaan dahulunya juga menentang keras sebarang tunjuk perasaan jalanan.

Azmin bagaimanapun yakin pengundi muda di negara ini sudah menerima PR dan melalui sokongan mereka PR akan berjaya mencapai hasrat untuk mengambil alih Putrajaya daripada Umno.

"Saya yakin pengundi muda dah matang," katanya lagi.

Umno akan mengadakan perhimpunan Agung Tahunan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula 27 November hingga 1 Disember depan.

Perhimpunan itu dijangka akan memfokuskan kepada persiapan jentera parti untuk menghadapi pilihan raya memandangkan pilihan raya umum ke-13 kali ini yang merupakan "ibu" kepada segala pilihan raya umum semakin hampir, dengan mandat BN memerintah tamat pada April 2013.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/azmin-optimis-pr-akan-rampas-putrajaya-selepas-pru13/>